



Anwar bersama Lih Kang menyaksikan demonstrasi penggunaan Mobile Hydrogen Refueling Unit dan Kenderaan Berkuasa Hidrogen di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

# Kenderaan hidrogen tarik minat Anwar

BERITA HARIAN 02 APR 2024 W/S: 3

**Putrajaya:** Datuk Seri Anwar Ibrahim yang berkesempatan menaiki kenderaan menggunakan sel bahan api hidrogen bersama Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Chang Lih Kang di sini, semalam jelas tertarik dengan kenderaan berkuasa hidrogen itu yang menurutnya lebih senyap berbanding kenderaan menggunakan bahan api petrol.

Lih Kang berkata, dalam perjalanan singkat menaiki kenderaan jenis Toyota Mirai itu, dari Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ke bangunan Perdana Putra, Perdana Menteri sempat bertanya beberapa perkara mengenai perkembangan ekosistem bahan api hidrogen dalam negara.

“Perdana Menteri amat berminat. Tanggapan pertama beliau - katanya enjin sangat senyap. Maksudnya dia rasa senyap bila menaiki kereta ini berbanding kereta yang guna minyak (bahan api petrol),” kata Lih Kang pada sidang media selepas menghadiri Majlis Demonstrasi Penggunaan Mobile Hydrogen Refueling Unit

dan Kenderaan Berkuasa Hidrogen, di sini.

Lih Kang berkata, tidak banyak perkara dikongsi Anwar kerana jarak perjalanan hanya mengambil masa lima minit, namun riak wajah dan gaya perbualan menunjukkan pemimpin nombor satu negara itu memang berminat dengan kenderaan berkenaan.

Toyota Mirai adalah kenderaan hidrogen jenis sedan yang pertama di Semenanjung.

Lih Kang berkata, negara dijangka menjana pendapatan kira-kira RM12 bilion melalui ekonomi hidrogen menjelang 2030.

Buat masa ini, Malaysia sedang membangunkan ekosistem bagi ekonomi hidrogen, dengan mencipta permintaan dan penawaran dalam mobiliti hidrogen yang masih baharu di negara ini.

“Kita berharap dapat manfaat daripada ekonomi hidrogen ini melalui eksport hidrogen hijau, selain melihat kepada kerjasama dengan sektor swasta bagi membantu Malaysia mewujudkan persekitaran ekonomi hidrogen yang kukuh,” katanya.